

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.01/10.12/2 (22)

6 Mei 2021
24 Ramadan 1442

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 18/2021

ARAHAN PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) BERKUAT KUASA MULAI 7 MEI 2021 HINGGA 20 MEI 2021

Merujuk kepada pengumuman oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) pada 5 Mei 2021, Kerajaan telah memutuskan untuk melaksanakan semula Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di beberapa negeri termasuk di negeri Johor (Daerah Johor Bahru, Daerah Kulai dan Daerah Kota Tinggi) dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur berkuat kuasa selama 14 hari **mulai 7 Mei 2021 (Jumaat) hingga 20 Mei 2021 (Khamis)**.

2. Pengurusan Universiti memutuskan agar sepanjang tempoh tersebut, sebahagian besar jumlah staf perlu Bekerja Dari Rumah (BDR). **Jumlah staf yang Bekerja Di Pejabat (BDP) ditetapkan dengan minima 30% dan maksima 50%. Ini bermaksud peratusan staf yang Bekerja Dari Rumah (BDR) adalah minima 50% dan maksima 70%.** Peratusan ini akan diselaraskan dari semasa ke semasa berpandukan kepada arahan dari MKN. Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ) adalah disarankan untuk menyediakan jadual penggiliran bekerja bagi memudahkan rujukan.

3. Permohonan BDR dan BDP perlu dibuat melalui aplikasi UTMSmart atau Portal MyUTM menu *Staff Movement*. Staf yang diarahkan untuk BDR perlu merekodkan kehadiran bekerja melalui aplikasi UTMSmart (*Check-In/Out GPS*) mengikut waktu bekerja berperingkat manakala staf yang diarahkan BDP perlu merekodkan kehadiran melalui Sistem iHadir. Staf di bawah kumpulan Perkhidmatan Perlu yang disenaraikan, perlu hadir bertugas seperti biasa mengikut arahan Ketua Jabatan.

4. Semua panduan dan peraturan yang berkaitan dengan pelaksanaan operasi Universiti dalam tempoh PKP/ PKPB yang sedang berkuat kuasa sebelum ini akan terus dirujuk. Sila layari pautan ini untuk rujukan dan panduan. (<https://registrar.utm.my/panduanpkp/>).


5. Arahan Perintah Kawalan Pergerakan ini adalah berkuat kuasa mulai 7 Mei 2021 hingga 20 Mei 2021 atau sehingga pihak Kerajaan mengeluarkan arahan terbaharu berkaitan. Ketua PTJ perlu memastikan jumlah pekerja yang hadir **mestilah mengambil kira pematuhan ketat SOP yang ditetapkan**. Warga Universiti adalah diminta untuk memberikan kerjasama sepenuhnya terhadap Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi membasmi risiko penularan wabak COVID-19 di Universiti.

Terima kasih.

“Prihatin Rakyat: Darurat Memerangi COVID-19”

“Berkhidmat untuk Negara kerana Allah”

Saya yang menjalankan amanah,



(ABDUL RAZIB BIN HJ. SHAUDDIN)

Pendaftar

- s.k.
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
 - Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
 - Pengarah Pusat Penyelidikan – UTM Pagoh
 - Pegawai-Pegawai Kanan/Dekan/Pengarah

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.01/10.12/2 (22)

6 May 2021
24 Ramadan 1442

ADMINISTRATIVE CIRCULAR NO. 18/2021

MOVEMENT CONTROL ORDER (MCO) IMPLEMENTATION INSTRUCTIONS EFFECTIVE FROM 7 MAY 2021 TO 20 MAY 2021

As referred to the announcement by the National Security Council (NSC) on 5 May 2021, the Government has decided to re-implement the Movement Control Order (MCO) in several states including Johor (Johor Bahru District, Kulai District and Kota Tinggi District) and the Federal Territory of Kuala Lumpur effective for 14 days **from 7 May 2021 (Friday) to 20 May 2021 (Thursday)**.

2. The University management decided that during that period, most of the staff would have to Work from Home (WFH). **The number of staff Working at the Office (WAO) is set to a minimum of 30% and a maximum of 50%. This would mean that the percentage of staff who is Working from Home (WFH) is a minimum of 50% and a maximum of 70%.** This percentage will be adjusted from time to time based on instructions from the NSC. The Head of Responsibility Center (PTJ) is advised to prepare a work rotation schedule to facilitate referencing.

3. WFH and WAO applications need to be made through UTMSmart application or the MyUTM Portal Staff Movement menu. Staff directed to WFH need to record their attendance through the UTMSmart (Check-In/Out GPS) application based on staggered working hours while staff directed to WAO need to record attendance through the iHadir System. Staff listed under the Essential Services must be present on duty as usual in accordance with the instructions of the Head of Department.

4. All guidelines and regulations related to the implementation of the University's operations during the MCO/ CMCO period enforced before this will continue to be referred to. Please visit this link for reference and guidance. (<https://registrar.utm.my/panduanpkp/>).


5. This Movement Control Order is effective from 7 May 2021 to 20 May 2021 or until the Government issues the latest relevant directive. The Head of Responsibility Center (PTJ) must ensure that the number of employees present **must take into account strict compliance with the SOP set**. University residents are requested to cooperate fully with the Movement Control Order (PKP) to eradicate the risk of COVID-19 outbreak in the University.

Thank you.

“Prihatin Rakyat: Darurat Memerangi COVID-19”

“Berkhidmat untuk Negara kerana Allah”

I, who uphold trust,



(ABDUL RAZIB BIN HJ. SHAHUDDIN)

Registrar

- c.c.
- Vice-Chancellor
 - Deputy Vice-Chancellor (Development)
 - Deputy Vice-Chancellor (Research and Innovation)
 - Deputy Vice-Chancellor (Academic and International)
 - Deputy Vice-Chancellor (Student Affairs)
 - Pro-Vice-Chancellor (UTM Kuala Lumpur Campus)
 - Director of Research Centre - UTM Pagoh
 - Senior Officers/Dean/Director